



# **CAWANGAN UNDANG-UNDANG**

## **VISI**

Menjadikan Cawangan Undang-Undang sebagai sebuah Cawangan yang unggul dan berwibawa dalam mengetuai sistem kawalan dalam organisasi.

## **MISI**

Menyediakan Khidmat Nasihat Perundangan secara Profesional, Berwibawa, Cepak Dan Berterusan Bagi Membantu Organisasi Dalam Penguatkuasaan Akta-Akta Lembaga Pertubuhan Peladang, Pertubuhan Peladang dan Koperasi Serta Lain-Lain Undang-undang Yang Berkaitan Dengan Organisasi Ini .

## **WAWASAN**

Mewujudkan Cawangan Yang Dapat Memberi Khidmat Nasihat Perundangan Secara Profesional Cepak Dan Berkesan Kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (Lpp) Dan Pertubuhan Peladang (Pp).

## **MATLAMAT**

Untuk Menjadikan Pertubuhan Peladang Sebagai Badan Perniagaan Peladang Berasaskan Pertanian Yang Berdaya Maju Dan Berdaya Saing Serta Pembangunan Sosial Peladang.

Untuk Mewujudkan Peladang Komersial Yang Menyumbang Kepada Industri Pertanian Melalui Pergerakan Pertubuhan Peladang.

## **SLOGAN**

Profesional , Tepat, Cepak

# LATAR BELAKANG

Cawangan Undang-undang, LPP telah diwujudkan pada 04 Februari 2004 yang terdiri daripada 2 unit IAITU-

- (1) Unit Nasihat Perundangan dan Litigasi ( NM)
- (2) Unit Pemeriksaan Tatakelakuan (PT)

# PIAGAM PELANGGAN

## CAWANGAN UNDANG-UNDANG, URUSETIA KETUA PENGARAH

KAMI beriltizam memberikan perkhidmatan yang profesional untuk menguruskan Pertubuhan Peladang (PP) serta membangunkan peladang komersial yang menjadi pengeluar utama makanan negara melalui :

- ❖ Menyediakan Pertuduhan dan memulakan Pendakwaan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh Mesyuarat yang memutuskan untuk pendakwaan.
- ❖ Memproses dan menyediakan lantikan Pendakwa dan Hakim dalam tempoh 2 minggu.
- ❖ Memberi khidmat pandangan dan nasihat perundangan secara bertulis dalam tempoh 3 hari dari tarikh perujukan.
- ❖ Mencadangkan pindaan kepada Akta dan Peraturan PP pada setiap tahun
- ❖ Memantau dan melaporkan kes-kes mahkamah LPP dan PP dalam tempoh 2 minggu dari tarikh sebutan kes.
- ❖ Menyemak dan memberi ulasan kepada perjanjian-perjanjian yang dirujukkan dalam tempoh 3 hari dari tarikh terima permohonan.

## **SENARAI TUGAS CAWANGAN UNDANG-UNDANG**

1. Memberi khidmat nasihat perundangan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang/Pertubuhan Peladang /Koperasi Berasaskan Pertanian. (**Secara bertulis atau dengan membuat catatan dalam buku soalan-soalan yang dirujukkan**).
2. Menguruskan proses findakan bagi perbicaraan kes Tatakelakuan Pertubuhan Peladang dibawah seksyen 24A(2) Akta Pertubuhan Peladang 1973 **((i)Membaca, menyemak Laporan siasatan, (ii) Menyediakan Pertuduhan. (iii) Menjalankan Proses Pemeriksaan Tatakelakuan mengikut manual)**
3. Melaksanakan fungsi tugas pendakwaan serta mendakwa dalam kes Tatakelakuan Pertubuhan Peladang / Koperasi Berasaskan Pertanian (**Bertindak sebagai pendakwa bagi pihak Pendaftar**).
4. Mencadangkan dan Menguruskan pindaan Akta Pertubuhan Peladang , Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang. (**Menyemak dan menerima arahan dari semasa ke semasa dan menyediakan bagi cadangan pindaan Undang-undang LPP/PP.**)
5. Menyeragamkan pindaan perlembagaan, kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang dan aturan kecil Koperasi Berasaskan Pertanian. (**Menyemak dan menerima arahan dari semasa ke semasa dan menyeragamkan Perlembagaan dan Kaedah-kaedah PP**)
6. Memberi nasihat dan pandangan mengenai isi-isu yang berbangkit dari pelaksanaan Undang-undang Pertubuhan Peladang/ Koperasi Berasaskan Pertanian. (**Menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Pengurusan dan AJP PP**).
7. Memberi ulasan bertulis ke atas suratcara-suratcara Pertubuhan Peladang. (**Memberi pandangan dan ulasan ke atas perujukan perjanjian yang dibuat antara PP dan pihak luar**).

8. Menjalankan pendakwaan / pembelaan bagi Lembaga Pertubuhan Peladang. (**Apabila terdapat saman terhadap LPP**)
9. Memberi ceramah atas tajuk-tajuk perundangan. (**Menyediakan Nota dan menyampaikan Ceramah dalam kursus anjuran LPP dan PP**)
10. Dan lain-lain tugas berkaitan yang diarahkan.

### **SENARAI TUGAS UNIT PEMERIKSAAN TATAKELAKUAN**


1. Menguruskan fungsi tugas Pemeriksaan Tatakelakuan dan menjalankan pendakwaan.
2. Menguruskan urusan pentadbiran personel sepanjang masa Cawangan Undang-Undang.
3. Lain-Lain tugas yang berkaitan yang diarahkan.

### **SENARAI TUGAS UNIT NASIHAT PERUNDANGAN DAN LITIGASI**

1. Memberi Nasihat perundangan bertulis kepada LPP dan Pendaftar PP/ bagi semua aktiviti LPP dan PP
2. Membuat semakan perjanjian LPP dan PP.
3. Mengurus dan menyelaras Kes-Kes Mahkamah yang melibatkan LPP dan PP.
4. Memberi nasihat perundangan melalui ceramah.
5. Mengkaji dan membuat cadangan pindaan undang-undang LPP dan PP mengikut kesesuaian.

**STRUKTUR ORGANISASI  
CAWANGAN UNDANG-UNDANG**

**KETUA PENGARAH**



**KETUA CAWANGAN UNDANG-UNDANG (E44)**  
ZAIBELAH BINTI MD LELAH



**UNIT URUSETIA NASIHAT  
PERUNDANGAN & LITIGASI**

**EKSEKUTIF URUSETIA  
MAHKAMAH (L32)**  
NUR DALILA @ IBTISAM BT. AHMAD



**UNIT URUSETIA PEMERIKSAAN  
TATAKELAKUAN**

**EKSEKUTIF PEMERIKSAAN  
TATAKELAKUAN (E38)**  
ZAIDA BINTI ALIAS



**PEM. TABDIR (N17)**  
RUZNIE BINTI ABU MANSOR